

13 APR 1997

Grand Prix-Malaysia

DOOHAN JUARAI MALAYSIAN GRAND PRIX

SHAH ALAM, 13 April (Bernama) -- Penunggang Australia, Michael Doohan memulakan kempennya untuk menjadi juara dunia kali keempat dengan beliau memenangi acara 500cc pada kejohanan Grand Prix Motosikal Malaysia di Litar Shah Alam di sini hari ini.

Doohan yang pernah muncul juara sebanyak tiga kali di litar sepanjang 3.505km di sini tetapi hanya menduduki tempat kelima tahun lepas, memenangi perlumbaan ke-35 beliau dengan menunggang motosikal Honda sambil memecahkan rekod pusingan seminit 25.100s yang bertahan selama enam tahun.

Beliau mencatatkan 1:24.840s pada pusingan ke-13 di litar yang basah, memadamkan rekod lama yang dibuat oleh penunggang Amerika Syarikat John Kocinski ketika menjuarai Grand Prix Malaysia pertama pada 1991.

Naib juara tahun lepas Alex Criville dari Sepanyol memberikan saingan untuk merebut kejuaraan dunia dengan menduduki tempat kedua, 11.796 saat di belakang Doohan yang menamatkan perlumbaan dalam masa 47 minit 11.545 saat.

Nobuatsu Aoki dari Jepun, pendatang baru dalam kategori 500cc, mengejutkan peminat dengan menduduki tempat ketiga di hadapan pemenang tahun lepas Luca Cadalora dari Itali manakala pasangan kembar Nobuatsu, Takuma menduduki tempat kelima.

Penunggang Jepun Tadayuki Okada, yang memulakan perlumbaan di petak pertama selepas mencatatkan masa terpanjang pada latihan kelayakan, terpaksa berpuas hati di tempat ke-10 apabila motosikalnya mengalami masalah mekanikal.

Doohan, yang menjangkakan persaingan sengit pada perlumbaan hari ini, berkata bahawa kemenangan pada kejohanan pembuka tirai itu memberikan permulaan yang baik dalam usahanya untuk merangkul kejuaraan dunia keempatnya.

Motosikal Modenas KR3 membuat permulaan buruk apabila kedua-dua penunggangnya Jean Michel Bayle dan Kenny Roberts Jr masing-masing mengalami masalah enjin serta tayar dan tidak dapat menamatkan perlumbaan.

Juara dunia 250cc sebanyak tiga kali Max Biaggi dari Itali merangkul kejuaraan Grand Prix Malaysia keempatnya dengan bergaya sambil memberikan kemenangan sulung kepada pasukan barunya, Marlboro Kanemoto Honda. Beliau menguasai perlumbaan dari pusingan pertama sehingga ke garisan penamat.

Biaggi, yang sembilan kali memenangi perlumbaan tahun lepas untuk merangkul kejuaraan dunia ketiganya, mengetepikan cabaran Tetsuya Harada dari Jepun yang mengambil tempatnya dalam pasukan Aprilia, dengan perbezaan 14 saat dalam perlumbaan sejauh 31 pusingan itu dengan masa 45 minit 29.692 saat.

Penunggang Perancis Olivier Jacque dari pasukan Chesterfield Elf Tech menduduki tempat ketiga manakala Ralf Waldmann dari Jerman, naib juara dunia tahun lepas, menduduki tempat keempat.

"Satu keputusan yang baik buat saya dan pasukan Marlboro Kanematsu Honda," kata Biaggi. "Saya menguasai litar ini sebanyak tiga kali sebelum ini, dan kali ini mengulanginya dengan pasukan dan motosikal yang berbeza," kata beliau.

Penunggang remaja dari Itali, Valentino Rossi dari pasukan Nastro Azzurro Aprilia, mengetepikan cabaran sengit bekas juara dunia Kazuto Sakata apabila beliau memotong penunggang Jepun itu pada selekoh terakhir untuk memenangi acara 125cc.

Rossi, 18, pemenang gelaran Grand Prix Czech tahun lepas, mendahului pada sebahagian besar perlumbaan sungguhpun dia dipotong oleh Sakata pada

pusingan terakhir.

Peserta Itali itu mencatatkan masa 48 minit 09.930 saat dalam perlumbaan sebanyak 29 pusingan itu. Sakata ketinggalan 0.994 saat di belakang manakala seorang lagi peserta Jepun, Noboru Ueda menduduki tempat ketiga.

Sakata, yang menduduki tempat ke-10 pada latihan kelayakan pernah muncul naib juara Grand Prix Malaysia 1991.

Peserta harapan Malaysia, Shahrol Yuzy dari Team Petronas Sprinta TVK, gagal menamatkan perlumbaan akibat kesilapan taktik apabila dia menggunakan tayar untuk litar basah.

Penunggang motosikal Honda RS itu terpaksa menarik diri pada pusingan ke-17 tetapi seorang lagi peserta Malaysia, Chao Chee Hou dari pasukan Motosport Promotions memberikan persembahan bersemangat untuk menduduki tempat ke-20, satu pusingan di belakang pemenang perlumbaan.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menyampaikan hadiah kepada pemenang acara 500cc manakala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan kejohanan itu pada sebelah pagi.

Sejumlah 40,000 penonton menyaksikan kejohanan itu, bilangan terbesar sejak Malaysia menjadi penganjur kejohanan itu pada 1991. Pusingan kedua Kejohanan Motosikal Dunia sebanyak 15 pusingan itu akan berlangsung di Suzuka, Jepun Ahad depan. -- BERNAMA

AR HRS MZ MAI